

# Tanggungjawab rakyat pelihara kemerdekaan negara - Anwar

Oleh MOHD. FADHLI  
MOHD. SULAIMAN  
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Menjadi tanggungjawab rakyat Malaysia memelihara kemerdekaan dan memberi makna kepada negara yang bebas dan berdaulat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tanggungjawab itu adalah selaras hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia Madani yang sentiasa hormat-menghormati.

Selain itu, katanya, hasrat kerajaan juga meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban yang meliputi sifat ihsan dan saling membantu bagi memastikan masyarakat hidup sejahtera tanpa persengketaan.

Katanya, kemerdekaan yang diwariskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj hendaklah sentiasa dipelihara dengan seluruh rakyatnya hidup aman dan sejahtera selama-lamanya.

“Sesungguhnya, negarawan ulung ini membina, mencorak dan membuka langkah supaya Malaysia menjadi negara yang berjaya bukan hanya dari segi pembangunan, malah kualiti rakyatnya.

“Tun Abdul Razak dalam



FADILLAH Yusof bersama Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang (tiga dari kanan) dan cucu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tunku Muinuddin Tunku Ahmad Nerang (dua dari kanan) melihat pameran dalam Program Mengenang Negarawan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haji di Bukit Jalil. semalam.

ucapannya di Dewan Rakyat pada Februari 1972 juga mengakui ketokohan Tunku Abdul Rahman dengan menyatakan bahawa beliau telah muncul pada saat penting dalam sejarah perjuangan bangsa.

“Di bawah pimpinan Tunku

Abdul Rahman banyak terlaksananya projek-projek pembangunan infrastruktur, kesihatan, pendidikan dan pembasmian kemiskinan bagi meningkatkan sosio ekonomi rakyat dan negara.

“Saya percaya, tema Negarawan Sejuta Jasa amat tepat

bagi menggambarkan pengorbanan, sumbangan dan jasa Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Mengenang Negarawan, Tun Abdul Rahman Putra Al-Haj ‘Negarawan Sejuta

Jasa’ di Piazza, Pavilion, Bukit Jalil di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Mengulas lanjut, kata Anwar, Tunku Abdul Rahman banyak memberi sumbangan kepada perkembangan agama Islam di dalam dan luar negara, malah mengilhamkan pertandingan membaca al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Katanya, Tunku Abdul Rahman menubuhkan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) bagi membantu dan membimbing golongan mualaf yang baharu memeluk Islam.

“Beliau juga menyertai Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang kini dikenali sebagai Pertubuhan Kerjasama Islam dan menjadi Setiausaha Agung OIC yang pertama,” katanya.

Katanya, Tunku Abdul Rahman menyumbang dalam bidang kesukanan berikutnya minatnya mendalam terhadap sukan bola sepak.

“Beliau adalah pengasas Pesta Bola Merdeka yang popular dan pernah menjadi Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor, Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia dan Presiden Konfederasi Bola Sepak Asia,” katanya.